

Sila semakjernasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERIDR SITI HASMAH BT HAJIMOHD ALI  
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN  
PERTUBUHAN IBU TUNGGAL NEGERI PAHANG (MUTIARA)  
DI HOTEL HYATT, KUANTAN  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 1998  
JAM 8.00 PAGI

---

Terima kasih kepada Jawatankuasa Perundingan HAWA Negeri Pahang di atas undangan kepada saya untuk merasmikan Pertubuhan Ibu Tunggal Negeri Pahang atau MUTIARA. Saya dijemput untuk melancarkan pertubuhan ini kerana saya percaya semua pihak wajar memberi perhatian kepada kumpulan warga negara yang ditentukan takdir mendokong tanggungjawab sebagai ketua isi rumah berseorangan tanpa sokongan pasangan ataupun 'parent without partners'.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Perundingan HAWA Negeri Pahang yang telah berjaya melaksanakan bincangan Ibu Tunggal di seluruh Negeri Pahang. Bilangan ibu tunggal yang begitu ramai, hampir 3000 orang adalah satu fenomena yang wajar diberi perhatian oleh semua pihak kerana ia mempunyai implikasi yang begitu besar sekali di dalam mencorakkan bangsa dan negara. Data-data asas yang telah diperolehi merupakan maklumat penting yang boleh menjadi input kepada pihak-pihak berkenaan samada Kerajaan Negeri, agensi-agensi berkaitan dan HAWA sendiri untuk merancang strategi dan tindakan-tindakan menangani masalah yang berkaitan dengan isu ibu tunggal.

3. Arah masa hadapan negara telah termaktub di dalam Wawasan 2020 di mana satu gagasan telah dibentang tentang sebuah negara Malaysia yang benar-benar moden dan maju, sebuah masyarakat yang adil, bermoral, rasional, teguh dan tangkas ekonominya disamping mempunyai keperibadian sosial dan budayanya sendiri. Warga Malaysia yang mendokong cita-cita ini perlu berkemampuan untuk bersatu padu di dalam apa keadaan sekalipun, mempunyai keyakinan diri, nilai-nilai positif, mempunyai masyarakat yang penyayang dan amat penting untuk mengamalkan nilai-nilai moral dan etika yang kukuh.

4. Pembinaan warga Malaysia yang mampu mendokong cita-cita negara ke arah merealisasikan Wawasan Perdana adalah amat penting. Keluarga merupakan satu institusi sosial yang asas di mana seseorang warga Malaysia mula dibentuk sahsiah, identiti dan konsep dirinya. Dalam keluarga seseorang bakal warga negara memperoleh keperluan asasnya, belajar bekerjasama, mendapat pendidikan dan kemahiran, mempelajari nilai-nilai hidup, kawalan tingkah laku, menerima dan memberi kemesraan, mendapat dan memberi sokongan moral. Seseorang warga negara yang sejahtera di dalam keluarganya akan lebih mudah dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat luar.

5. Satu keluarga yang bahagia dan unggul adalah impian setiap insan di dunia ini. Malangnya, keadaan dan takdir kadang-kadang tidak menyebelahi setiap orang. Seseorang itu hanya boleh merancang dan berusaha untuk menjadi isteri atau suami sejati dan memperoleh keluarga yang sempurna tetapi kadangkala sebaliknya berlaku. Seseorang wanita sepatutnya dilindungi oleh suami dan mempunyai tempat berpaut boleh mendapati dirinya tanpa pasangan kekal, keseorangan dan tiba-tiba menjadi ketua keluarga. Perkara hii mungkin berlaku di dalam keadaan kematian suami, perceraian atau ditinggalkan. Manakala sebahagiannyapula mendapati dirinya berperanan sebagai ketua keluarga kerana suami berhijrah, tua dan uzur, sakit ataupun cacat.

6. Kemiskinan merupakan keadaan tidak mempunyai sumber minima yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan perlindungan. Terdapat lebih 550 juta isi rumah dunia yang hidup dalam kemiskinan, satu pertiga adalah wanita sebagai ketua isi rumah. International Fund for Agriculture (1992) menganggarkan terdapat 564 juta wanita luar bandar yang miskin dan 374 juta daripadanya adalah penduduk Asia. Di Malaysia kadar kemiskinan telah menurun dari 49 peratus pada 1970 kepada 17.1 peratus pada 1990, walau bagaimanapun kadar kemiskinan di luar bandar masih lagi tinggi berbanding dengan kemiskinan bandar. Kerajaan telah melaksanakan berbagai program pembasmian kemiskinan seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan lain-lain. Disamping terus memberi perhatian kepada bantuan kebajikan secara langsung, penyediaan kemudahan-kemudahan asas program-program kemiskinan juga memberi tumpuan kepada projek-projek yang dapat meningkatkan pendapatan. Jelas sekali Kerajaan telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga miskin

sepertimana dalam program Amanah Ikhtiar Malaysia yang memberi pinjaman kepada isi rumah termiskin. Dengan peningkatan pendapatan ini sekali gus membantu golongan miskin menikmati taraf hidup yang lebih baik. Syukur Alhamdulillah rakyat miskin di negara ini mempunyai peluang-peluang untuk memperbaiki diri dan keluar dari putaran kemiskinan.

7. Ibu tunggal merupakan salah satu kumpulan sasar yang boleh dijuruskan sebagai penyumbang kepada kemiskinan. Kajian yang pernah dilaksanakan oleh Universiti Putra mengenai Ibu Tunggal memaparkan 46.6 peratus daripada ibu tunggal adalah janda, 51.1 peratus balu dan 3.3 peratus digantung tidak bertali dan lain-lain kategori. Sebahagian besar berada di umur yang produktif iaitu di bawah 45 tahun dan secara purata mempunyai 4 hingga 5 orang anak. Kajian ini juga menyenaraikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal seperti:

- a) masalah kewangan dimana 65.6 peratus berkaitan dengan persekolahan anak dan 26.2 peratus berkaitan perbelanjaan harian kerana ketiadaan sumber. Sebahagian besar bekerja di sektor tidak formal, menjadi buruh atau bekerja kilang. Keadaan ini lebih buruk apabila bekas suami tidak memberi nafkah hidup;
- b) menghadapi masalah dengan anak-anak dari segi perhubungan dan komunikasi, tingkah laku anak-anak, penjagaan dan perbelanjaan, anak-anak tidak minat belajar dan lain masalah berkaitan pelajaran;
- c) memaparkan masalah peribadi seperti kesihatan, ketiadaan kemudahan-kemudahan asas seperti tempat tinggal, hutang dan ketiadaan pekerjaan atau masalah dengan kerja;
- d) menghadapi masalah berkaitan dengan kerja rumah;
- e) menghadapi masalah dengan orang lain di mana masyarakat sering menganggap janda atau balu sebagai tidak normal dan kecenderungan gender menyalahkan wanita sebagai punca perceraian. Stigma ini sering memberi tekanan emosi dan menghakis keyakinan diri.

8. Sekiranya gejala ini dibiarkan berterusan wanita sebagai ketua isi keluarga akan berkekalan berada di tahap kemiskinan. Ini adalah sate masalah yang seri<sup>u</sup>s sehingga satu kaji menimbulkan istilah 'feminisation of poverty' iaitu satu trend di mana putaran kemiskinan berpusat di kalangan wanita dan membelenggu hidup mereka. Satu kajian lainjuga menyatakan wanita luar bandar merupakan golongan paling miskin antara yang termiskin, 'poorest of the poor'.

9. Kebanyakan mereka ini tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan usaha memperbaiki nasib mereka mengambil masa yang panjang dan memerlukan satu pendekatan yang khusus. Semua pihak patut terlibat dengan program yang boleh membantu kesejahteraan hidup keluarga wanita isi rumah dan memastikan keadaan tidak memberi kesan negatif kepada anak-anak mereka yang bakal mewarisi negara.

10. Saya yakin usaha menggembelngkan tenaga ibu tunggal melalui satu pertubuhan merupakan satu tindakan yang positif dan wajar ke arah ikhtiar membantu ibu tunggal menghadapi cabaran hidup. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri dan para sukarelawan baik daripada pegawai-pegawai Kerajaan atau daripada kalangan anggota masyarakat yang mendorong dan menyokong usaha-usaha badan sukarela seperti Jawatankuasa Perundingan HAWA dan Pertubuhan Ibu Tunggal Negeri Pahang (MUTIARA). Bagi ibu-ibu tunggal ini pula sayaberharap mereka tidak akan sia-siakan usaha agensi-agensi Kerajaan untuk membantu mereka.

11. Di hari penuh pengertian ini saya menyeru agar setiap agensi yang berurusan dengan keluarga dapat menyimpan rekod pelanggan berasaskan gender. Pengkalan data menyimpan rekod pelanggan wujud sebagai input kepada pembangunan sosial. Di sekolah-sekolah, maklumat-maklumat mengenai penj agapelajar boleh membantu mengesan perkembangan pelajar di mana anak-anak kepada kumpulan khusus seperti ibu tunggal dapat diberi lebih perhatian. Kejayaan anak-anak ibu tunggal dalam pendidikan adalah satu tindakan yang boleh membantu satu-satu keluarga ibu tunggal untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

12. Gerak tumpuan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam memberi bantuan dan perkhidmatan kepada ibu tunggal saya percaya dapat meringankan bebanan dan menghasilkan kesan yang positif jika ia dirancang dan dilaksanakan secara sistematik.

13. Pemimpin masyarakat seperti wakil-wakil rakyat, penghulu dan Jawatankuasa Keselamatan Kampung boleh masing-masing mengenalpasti kumpulan sasar ini di tempat masing-masing, menyenarai utamakan kes-kes ibu tunggal mengikut permasalahan dan mengambil tindakan untuk membantu dari aspek kebajikan dan lain-lain.

14. Pertubuhan-pertubuhan sukarela boleh melibatkan ahli-ahli untuk membantu keluarga ibu tunggal dan anak-anak di dalam berbagai aspek mengikut kemampuan dan keupayaan melalui khidmat bakti, pemberian sumbangan atau projek anak angkat.

15. Di dalam sebarang program latihan dan kemahiran badan-badan penganjur samada Jabatan atau agensi Kerajaan, pihak swasta atau pertubuhan-pertubuhan boleh memberi tempat dan keutamaan kepada ibu tunggal mengikut kursus-kursus yang dapat memberi kemahiran.

16. Selain daripada itu saya ingin mencadangkan supaya kajian yang lebih mendalam mengenai permasalahan ibu tunggal terus dilaksanakan. Maklumat-maklumat mengenai ibu tunggal berjaya wajar dikumpul dan ditonjolkan untuk dicontohi dan dijadikan perangsang. Kajian mengenai kesan-kesan keruntuhan rumahtangga kepada anak-anak wajar dilaksanakan ke arah mewujudkan program-program yang sesuai untuk membantu generasi kedua yang tidak ada tokoh ayah di dalam keluarga mengatasi sebarang kesan negatif yang ada.

17. Hal-hal perundangan, proses penghakiman dan penguatkuasaan keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah syariah mengenai pemberi nafkaha harta sepencarian, jagaan anak-anak dan lain-lain merupakan aspek yang banyak telah dibangkitkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita dan saya berharap ia dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan.

18. Peranan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkuasa yang terlibat dengan kemudahan-kemudahan rumah kos rendah, perolehan-perolehan saham Kerajaan dan tanah-tanah berkelompok adalah sangat penting dan diharap pertimbangan yang sewajarnya dapat dibuat untuk memberi keutamaan kepada ibu-ibu tunggal yang layak.

19. Akhir sekali saya mendoakan agar Pertubuhan Ibu Tunggal Negeri Pahang (MUTIARA) akan dapat bergerak dengan tangkas dan efisien, mengatur strategi dan program yang bermakna ke arah pengemblemengantenaga, ilmudan pembelaannasib ahli-ahlinya. Peranan HAWA Negeri Pahang yang mengambil inisiatif membuat kajian dan memberi fokus kepada isu masyarakat seperti ini wajar mendapat sokongan dan dorongan daripada semua pihak.

Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan ini merasmikan Pertubuhan Ibu Tunggal (MUTIARA) dengan doa mudah-mudahan ia diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala.

\*\*\*\*\*